

## Pertikaian Inggeris-Belanda di Hindia Timur dan Usaha Penyelesaiannya Melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

### *The Anglo-Dutch Dispute In The East Indies and The Attempts To End It Through The Anglo-Dutch Treaty Of 1824*

MUHAMMAD ASLAH AKMAL AZMI<sup>1\*</sup>, AZHARUDIN MOHAMED DALI<sup>2</sup> & SALINA ZAINOL<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM),  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding author: [aslahakmal@ukm.edu.my](mailto:aslahakmal@ukm.edu.my)

Received: 2 Februari 2022 Accepted: 23 March 2023

#### Abstrak

Artikel ini membincangkan usaha menyelesaikan pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh yang tercetus di antara Belanda dan British di Hindia Timur kesan daripada Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Pertikaian di antara Belanda dengan British pasca Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 berlaku apabila pegawai-pegawai British di Hindia Timur berusaha mendapatkan penempatan baru bagi menyaingi monopoli perdagangan Belanda. Kemuncaknya adalah apabila berlaku pertikaian akibat pertapaan British di Singapura pada tahun 1819. Usaha-usaha rundingan untuk menyelesaikan pertikaian di antara Belanda dengan British mula digerakkan namun menemui kegagalan. Pertikaian ini akhirnya berjaya diselesaikan apabila Belanda dan British bersetuju menandatangani Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis permasalahan yang timbul dalam menyelesaikan pertikaian di antara Belanda dan British di Hindia Timur dari tahun 1814 sehingga 1824. Permasalahan dari sudut hak penguasaan dan kedaulatan sesebuah kawasan yang dipertikaikan merupakan antara subjek perbincangan kajian ini. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang berasaskan metodologi kajian sejarah dengan meneliti dokumen pentadbiran Belanda dan British terutamanya catatan yang dilakukan oleh pegawai kolonial Belanda seperti C.T. Elout dan J.C. Baud. Sumber sekunder yang relevan dan berautoriti turut dirujuk khususnya perjanjian-perjanjian dan surat-menyurat peribadi yang dikumpul oleh P.H.V.D. Kemp dan A.R. Falck. Hasil kajian mendapati Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 telah mencetuskan permasalahan dan pertikaian di antara Belanda dan British. Namun begitu, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 berjaya menyelesaikan pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh serta memperkukuh hubungan Belanda dan British di Hindia Timur.

Kata kunci: Perjanjian Inggeris-Belanda; Hindia Belanda; Hindia Timur; Monopoli Perdagangan; Singapura

#### Abstract

This article discusses the Dutch and British attempts in the East Indies to resolve the struggle over determining the power and sphere of influence between the Dutch and British in the East Indies as a result of the Anglo-Dutch Treaty of 1814. The dispute between the Dutch and British after the Anglo-Dutch Treaty of 1814 intensified as British officials in the East Indies sought new settlements

to compete with the revival of Dutch trade monopoly. To top it off, disputes arose as the British established their new settlement in Singapore in 1819. Attempts to resolve the dispute between the Dutch and the British were made but were unsuccessful. The dispute was finally resolved when the Dutch and the British agreed to sign the Anglo-Dutch Treaty of 1824. Therefore, the objective of this study is to analyse the problems that arose in resolving the dispute between the Dutch and the British from 1814 to 1824. Among the subjects covered in this study are problems related to the right of control and sovereignty over the disputed area. This study applies qualitative methods based on historical research methodology by examining Dutch and British administrative documents, especially records made by Dutch colonial officials such as J.C. Baud and C.T. Elout. Relevant and authoritative secondary sources are also referred to, particularly the agreements and personal correspondence collected by P.H.V.D. Kemp and A.R. Falck. According to the study's findings, the Anglo-Dutch Treaty of 1814 sparked problems and disputes between the Dutch and the British. Nevertheless, the Anglo-Dutch Treaty of 1824 managed to resolve the power dispute over predominant influence and strengthen Dutch and British relations in the East Indies.

Keywords: Anglo-Dutch Treaty; Netherland Indies; East Indies; Trade Monopoly; Singapore

## Pengenalan

Pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh di antara Belanda dengan British di Hindia Timur dapat dikaitkan dengan hubungan di antara kedua-dua buah negara tersebut di Eropah.<sup>1</sup> Sejak pertengahan abad ke-17 hingga akhir abad ke-18, Belanda dan British telah terlibat dengan beberapa peperangan besar yang berpunca daripada persaingan kekuatan ketenteraan laut dan perdagangan. Persaingan ini turut merebak ke seluruh jajahan dan penempatan masing-masing yang terletak di seluruh pelosok dunia termasuklah di Asia Tenggara. Persaingan kuasa dan lingkungan pengaruh di antara Belanda dan British akhirnya berjaya diselesaikan pada 17 Mac 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.<sup>2</sup> Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 secara khususnya bertujuan menamatkan pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh di antara Belanda dan British selepas termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Pasca Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 menyaksikan berlakunya pertikaian di antara pegawai-pegawai British dengan Belanda di jajahan dan penempatan masing-masing di Asia Tenggara. Di pihak Belanda, Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 dilihat sebagai peluang untuk mengembalikan kuasa dan lingkungan pengaruh Belanda seperti yang wujud pada abad ke-18. Namun begitu, pandangan dan pentafsiran Belanda terhadap Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 tidak dipersetujui sepenuhnya oleh beberapa pegawai-pegawai British yang masih bertugas di Hindia Timur. Pengembalian kuasa dan pengaruh Belanda sepenuhnya di Hindia Timur dikhuatiri boleh mengganggu gugat kepentingan perdagangan British di Asia.<sup>3</sup>

Persetujuan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 dapat dihubungkan berpunca daripada konflik yang berlaku di antara negara-negara di Eropah. Konflik ini bermula semasa Revolusi Perancis iaitu sekitar tahun 1789 sehingga 1799. Selepas terbentuknya Republik Perancis pada tahun 1792, Perancis giat meluaskan penguasaannya di Eropah. Dalam konflik ini, Belanda tidak terkecuali dalam perluasan kuasa Perancis. Republik Belanda akhirnya berjaya dijatuhkan oleh Perancis dan digantikan dengan Republik Batavia pada tahun 1795.<sup>4</sup> Namun begitu, sebelum Republik Belanda jatuh sepenuhnya ke tangan Perancis, wakil pemerintah tertinggi Republik Belanda iaitu William V telah menyerahkan jajahan Belanda kepada British secara sementara melalui Surat-Surat Kew. Tindakan ini adalah sebagai salah satu langkah untuk menghalang Perancis daripada mengaut harta kekayaan, loji perdagangan

dan jajahan Belanda di luar negara.<sup>5</sup> Konflik ini mula reda apabila pemerintah Perancis, Napoleon dikalahkan pada tahun 1813 dan Belanda berjaya bebas daripada penjajahan Perancis. Seterusnya satu perjanjian telah dirangka untuk menilai dan menentukan semula harta dan jajahan Belanda yang diambil alih secara sementara oleh British. Pada 13 Ogos 1814, Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 telah dipersetujui di antara Belanda dan British untuk mengembalikan hak milik jajahan Belanda sepertimana yang telah wujud pada 1 Januari 1803 iaitu sebelum meletusnya Perang Napoleon. Hak milik jajahan Belanda ini termasuk samada dalam bentuk tanah jajahan, loji atau kilang perdagangan dan penempatan Belanda di Amerika, Afrika, dan Asia.<sup>6</sup>

### **Pertikaian Akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814**

Pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh di antara Belanda dengan British dapat dikaitkan dengan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pegawai-pegawai British di Hindia Timur terhadap Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Pegawai-pegawai British yang sebelum ini menguruskan pentadbiran British di jajahan dan penempatan Belanda di Hindia Timur merasakan keputusan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 merugikan British.<sup>7</sup> Hal ini berikutan pemerolehan perdagangan yang menguntungkan oleh British semasa menguasai jajahan dan penempatan Belanda. Kesannya, urusan pengembalian jajahan dan penempatan Belanda di Hindia Timur tergendala sehingga memaksa campur tangan kerajaan Britain dan kerajaan United Kingdom Belanda.<sup>8</sup> Bagi memudahkan urusan tersebut, Belanda telah melantik tiga orang Pesuruhjaya Jeneral bagi mendapatkan semula jajahan dan penempatan Belanda daripada British. Cornelis Theodorus Elout, Van der Capellen dan Arnold Adriaan Buyskes merupakan tiga orang Pensuruhjaya Jeneral yang diberikan kuasa penuh oleh Belanda untuk melancarkan urusan tuntutan jajahan Belanda di Hindia Timur.<sup>9</sup> Namun begitu, Belanda hanya memperoleh jajahannya di Betawi pada tahun 1816 dan di Melaka pada tahun 1818. Dengan kembalinya Belanda di Betawi, kerajaan Hindia Belanda telah dibentuk bagi meneruskan pentadbiran Belanda di Hindia Timur yang sebelum ini ditadbir oleh Syarikat Hindia Timur Belanda.<sup>10</sup>

Rata-rata sarjana bersetuju matlamat utama Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 adalah untuk mengembalikan hak milik jajahan Belanda samada dalam bentuk tanah jajahan, loji atau kilang perdagangan dan penempatan Belanda di Amerika, Afrika, dan Asia. Matlamat British dalam perjanjian ini adalah untuk memastikan Belanda dapat kembali mengimbangi kuasa Perancis di Eropah bersama-sama dengan British. Rancangan British ini dirumuskan oleh Henry J. Marks bersama-sama dengan sarjana Belanda lain sebagai langkah menjadikan Belanda sebuah negara yang *'not too powerful'* dan *'not too weak either'* di Eropah.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai Belanda di Hindia Timur seperti Engelbertus De. Waal menegaskan bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 merupakan titik tolak kembalinya Belanda sebagai kuasa yang membawa kemajuan pentadbiran dan kepesatan perdagangan di Hindia Timur.<sup>12</sup> Namun begitu, artikel ini menghujahkan bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 menjadi antara pencetus utama pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh di antara Belanda dengan British. H.C. Wright turut mengakui bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 merupakan sebuah perjanjian yang dimeterai di Eropah tanpa penelitian yang mendalam terhadap senario dan kedudukan Belanda dan British di Hindia Timur.<sup>13</sup> Idea ini disokong oleh C.F.M Penders dalam penulisannya yang mengakui bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 ditafsir oleh pegawai-pegawai British di Hindia Timur secara literal iaitu pengembalian kuasa Belanda terhadap penempatan dan wilayah-wilayah yang dinyatakan secara eksplisit dalam

perjanjian. Sebaliknya, pihak Belanda mentafsir Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 sebagai pengembalian kuasa dan lingkungan pengaruh Belanda seperti yang wujud pada abad ke 18.<sup>14</sup> Hal ini terbukti dalam pertikaian di antara Belanda dan British untuk mendapatkan hak penguasaan terhadap penempatan di Teluk Semangka (Lampung), Palembang dan Padang. Pertikaian kuasa dan pengaruh ini dapat dikaitkan dengan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 kerana perjanjian tersebut gagal membahagikan lingkungan Belanda dengan jelas. Justeru itu, selepas termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda 1814, pertikaian di antara Belanda dengan British di Hindia Timur semakin bertambah kerana kuasa dan lingkungan pengaruh Belanda dicabar oleh British.

Pertikaian di antara Belanda dengan British berlaku dalam persaingan hak penguasaan terhadap Teluk Semangka yang terletak di sempadan daerah Lampung. Tuntutan hak penguasaan British terhadap Teluk Semangka oleh Stamford Raffles dapat dikaitkan dengan kegagalan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 dalam mengariskan lingkungan pengaruh Belanda dengan jelas.<sup>15</sup> Pertikaian ini berlaku apabila kerajaan Hindia Belanda kembali menguasai Lampung pada tahun 1817 dan turut memasukkan Teluk Semangka sebagai sebahagian daripada Residensi Daerah Lampung. Tindakan ini tidak dipersetujui oleh Raffles kerana British telah mempunyai perjanjian untuk melindungi pemerintah tempatan di Teluk Semangka sejak 24 September 1801. Walau bagaimanapun, perjanjian British dengan pemerintah tempatan tersebut tidak diiktiraf oleh Belanda. Dalam penulisan J.S. Tay, beliau menyifatkan tindakan ini berpunca daripada matlamat Belanda yang ingin menafikan sebarang perjanjian yang dimeterai di antara British dengan pemerintah tempatan sepanjang ketiadaan Belanda di Hindia Timur.<sup>16</sup> Namun begitu, pengkaji Belanda seperti P.H. Van Der Kemp menghujahkan bahawa sempadan penguasaan Belanda di daerah Lampung tidak dibahagikan dengan jelas sejak dari awal. Oleh itu, sempadan yang kemudiannya ditetapkan oleh British dalam perjanjian pada 24 September 1801 tidak diiktiraf oleh Belanda. Pertikaian di antara Capellen dengan Raffles semakin kritikal terutamanya apabila Raffles menghantar tentera pengawal British untuk menaikkan bendera British di Teluk Semangka pada Mac 1818. Kesannya, kerajaan Hindia Belanda turut menghantar pasukan tentera dan turut mengibarkan bendera Belanda di Teluk Semangka.<sup>17</sup> Dalam hal ini, pertikaian yang tercetus di Teluk Semangka dapat dikaitkan dengan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 kerana perjanjian tersebut tidak mengariskan apa-apa sempadan dan lingkungan pengaruh Belanda di Residensi Daerah Lampung. Peristiwa ini juga menyokong pendapat Heather Sutherland yang menggambarkan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 telah memberi kebebasan kepada Belanda untuk memperoleh kawasan yang didakwa miliknya walaupun sebelum ini tidak pernah ditadbir secara jelas.<sup>18</sup>

Selain di Lampung, pertikaian kuasa di antara Raffles dengan Belanda turut berlaku di Palembang, Sumatera. Kepentingan Palembang kepada Raffles bermula pada tahun 1812 iaitu semasa Raffles menjadi Leftenan Gabenor Hindia Timur British. Raffles telah menggunakan kedudukannya sebagai Leftenan Gabenor untuk memperoleh Pulau Bangka dan Pulau Belitung daripada Sultan Palembang, Sultan Ahmad Najmuddin melalui satu perjanjian pada 17 Mei 1812.<sup>19</sup> Sebagai balasan, Raffles menjanjikan kemerdekaan dan perlindungan British kepada Palembang. Namun begitu, Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 telah menyerahkan Palembang dan Pulau Bangka kepada Belanda. Dalam hal ini, Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 sekali lagi mencetuskan permasalahan terutamanya apabila terdapat pegawai-pegawai British di Hindia Timur yang tidak bersetuju dengan penyerahan Pulau Bangka kepada Belanda. Selain berada di kedudukan yang strategik, Pulau Bangka juga mempunyai komoditi bijih timah yang bernilai tinggi.<sup>20</sup> Di pihak Raffles, penyerahan Pulau

Bangka kepada Belanda membawa pengertian bahawa kerajaan Hindia Belanda perlu melindungi Palembang sebagaimana yang dilakukan oleh British semasa memperoleh Pulau Bangka. Walau bagaimanapun, tindakan Pesuruhjaya Belanda, H.W. Muntinghe yang datang ke Palembang pada Jun 1818 untuk menguasai kawasan tersebut tidak dipersetujui oleh Raffles. Sebagai tindak balas, Raffles telah menghantar sepasukan tentera untuk membantu Sultan Palembang menyekat pengembalian Belanda di Palembang. Walaupun usaha tersebut menemui kegagalan, namun tindakan Raffles telah mencetuskan ketegangan dengan Belanda. Di pihak Belanda, campur tangan Raffles telah menyalahi semangat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Hal ini ditambah dengan wujudnya usaha daripada Raffles yang meminta Gabenor British di Pulau Pinang untuk menanggungkan penyerahan Melaka kepada Belanda sebagai bantahan terhadap tindakan Belanda di Palembang.<sup>21</sup>

Pertikaian kuasa dan pengaruh di Palembang juga telah menyebabkan Raffles mengambil keputusan untuk mendapatkan daerah Padang daripada Belanda. Pertikaian di antara Belanda dengan British Padang berlaku apabila Raffles mengutus surat kepada kerajaan British di Britain dan di Bengal untuk mengekalkan penguasaan British di Padang. Raffles memberi alasan bahawa tindakan Belanda yang tidak berdiplomatik di Palembang memberi justifikasi kepada British untuk menguasai Padang. Raffles turut menggunakan hujah penduduk dan pemerintah tempatan di Padang bahawa Belanda tidak menguasai kedaulatan Padang kerana status Belanda di daerah itu hanyalah berasaskan hubungan perdagangan.<sup>22</sup> Di pihak Belanda, keengganan Raffles untuk menyerahkan Padang kepada Belanda juga telah menyalahi Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Sebagai tindak balas, kerajaan Hindia Belanda turut menghantar surat bantahan kepada kerajaan British di Bengal atas tindakan Raffles.<sup>23</sup> Walau bagaimanapun, hujah dan tindakan Raffles di Palembang dan Padang tidak mendapat persetujuan Gabenor Jeneral British di India iaitu Rawdon-Hastings. Penolakan hujah Raffles ini berpunca daripada matlamat Hastings yang ingin mengelakkan krisis secara terbuka dengan Belanda di Hindia Timur. Punca kegagalan Raffles juga adalah disebabkan kegagalan diplomasinya untuk mendapatkan sokongan daripada pemimpin tertinggi British di India dan di Britain.<sup>24</sup> Dari sudut lain, tindakan Raffles di Lampung, Palembang dan Padang telah memberi gambaran kepada Belanda bahawa terdapat usaha untuk menentang pengembalian penuh Belanda di Hindia Timur. Gambaran ini merupakan antara punca Raffles gagal mendapat sokongan Hastings terutamanya apabila Raffles tidak mendapatkan kebenaran Gabenor Jeneral British di India sebelum membuat beberapa tindakan drastik di Lampung, Palembang dan Padang. Justeru itu, pada Oktober 1818, Hastings telah menggunakan autoriti kuasanya untuk menyekat Raffles daripada melakukan apa-apa kekerasan tentera di Palembang. Seterusnya Raffles juga menerima arahan untuk mengundurkan tentera pengawal British di Teluk Semangka dan kawasan sekitar Lampung pada November 1818. Selain itu, usaha Raffles untuk menyekat penyerahan Padang kepada Belanda juga menemui kegagalan apabila Padang diserahkan kembali kepada Belanda pada tahun 1819. Menjelang Oktober 1819, akhbar Belanda turut memaparkan kegagalan Raffles dalam pertikaian kuasa di Sumatera sekaligus menekankan keperluan mematuhi Perjanjian Inggeris-Belanda 1814.<sup>25</sup>

### **Pertikaian Terhadap Pertapakan British di Singapura**

Pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh terhadap Singapura dapat dikaitkan dengan beberapa perjanjian awal yang telah diusahakan oleh Gabenor British di Pulau Pinang, John Bannerman. Dalam hal ini, Bannerman telah membuat perjanjian dengan beberapa pemerintah tempatan di Hindia Timur untuk memastikan perdagangan British khususnya di Pulau

Pinang tidak merosot. Tindakan Bannerman berpunca daripada tersebarnya berita bahawa Belanda akan kembali menguasai Melaka pada Jun 1818.<sup>26</sup> Perjanjian yang dirancang oleh Bannerman akhirnya berjaya dilaksanakan oleh wakilnya, Walter Cracroft dengan kerajaan Perak pada 30 Julai 1818 dan dengan kerajaan Selangor pada 22 Ogos 1818. Dalam masa yang sama, William Farquhar juga berjaya memeterai perjanjian yang sama dengan kerajaan Johor pada 19 Ogos 1818 dan dengan kerajaan Siak pada 31 Ogos 1818.<sup>27</sup> Perjanjian Ikatan Perdagangan atau '*Treaty of Commercial Alliance*' yang dibawa oleh Cracroft dan Farquhar ini bermatlamat untuk mendapatkan taraf perdagangan istimewa atau '*most favored nation*' dengan kerajaan tempatan tersebut. Dalam masa yang sama, perjanjian ini juga memastikan kerajaan dan pemerintah tempatan tersebut tidak memperbaharui sebarang perjanjian dengan mana-mana negara, badan awam atau individu lain tanpa kebenaran British.<sup>28</sup>

Perjanjian Ikatan Perdagangan di antara British dengan kerajaan Johor mencetuskan pertikaian di antara Belanda dan British pada Oktober 1818 setelah Belanda memperoleh maklumat mengenai perjanjian tersebut. Perjanjian ini diketahui oleh wakil pensuruhjaya Belanda iaitu C.J. Wolterbeek and J.S. Timmerman Thijssen daripada Farquhar yang pada ketika itu merupakan Residen British di Melaka. Semasa proses penyerahan Melaka kepada Belanda, Wolterbeek dan Thijssen turut menerima maklumat bahawa British telah memperoleh kebenaran daripada kerajaan Johor untuk meninjau dan meneroka Pulau Karimun.<sup>29</sup> Perjanjian ini telah dipersoalkan oleh Wolterbeek dan Thijssen kerana bagi pihak Belanda, kerajaan Johor tidak mempunyai autoriti untuk mengadakan sebarang perjanjian dengan British. Alasannya, kerajaan Johor merupakan vasal atau naungan Belanda sejak 1 November 1784.<sup>30</sup> Hal ini disebabkan undang-undang antarabangsa secara umumnya menetapkan sesebuah vasal atau naungan tidak mempunyai kuasa dan autoriti untuk mengadakan hubungan luar tanpa kebenaran negara yang menaunginya.<sup>31</sup> Belanda juga menolak autoriti kerajaan Johor untuk memberi kebenaran peninjauan atau pembukaan penempatan baru di Pulau Karimun atau kawasan-kawasan lain yang berada di bawah penguasaan kerajaan Johor.<sup>32</sup>

Pertikaian di antara Farquhar dengan Wolterbeek dan Timmerman pada tahun 1818 merupakan permulaan tercetusnya polemik perbahasan mengenai status kerajaan Johor sebagai naungan Belanda. Berdasarkan hujah Farquhar, pada tahun 1795, British telah mengambil alih penguasaan terhadap Melaka daripada Gabenor Belanda di Melaka iaitu Abraham Couperus. Dalam hal ini, Abraham Couperus telah menjamin kemerdekaan dan kebebasan kerajaan Johor daripada Belanda sejak tahun 1795. Dari sudut lain, perjanjian di antara Belanda dengan kerajaan Johor pada 1 November 1784 telah dimeterai oleh VOC dan diabsahkan oleh Republik Belanda. Namun begitu, Republik Belanda telah runtuh pada tahun 1795 manakala VOC dibubarkan pada tahun 1799. Kegagalan Belanda dalam memperbaharui atau meminda apa-apa perjanjian dengan kerajaan Johor dari tahun 1799 sehingga 1818 merupakan salah satu hujah yang digunakan oleh Farquhar untuk membahaskan status naungan kerajaan Johor.<sup>33</sup> Berdasarkan hujah-hujah tersebut, Farquhar menolak status Johor sebagai naungan Belanda sejak tahun 1784. Lanjutan daripada pertikaian tersebut, Belanda telah memperbaharui perjanjian dengan kerajaan Johor melalui Perjanjian Persahabatan pada 28 November 1818. Melalui perjanjian tersebut, Belanda secara rasminya mengiktiraf Sultan Abdul Rahman sebagai Sultan Johor yang berdaulat bagi Johor, Riau, Lingga, Pahang dan Singapura. Sebagai balasan, Belanda kembali diberikan hak eksklusif perdagangan di Riau dan Kapten Königsdörffer dilantik sebagai Residen Belanda di Riau.<sup>34</sup> Melalui perjanjian itu juga, kerajaan Johor perlu mendapatkan kebenaran Belanda sekiranya ingin mengadakan hubungan luar dengan mana-mana negara, badan awam atau individu lain.

Pertikaian di antara Belanda dan British mengenai status naungan terhadap kerajaan Johor turut berkait dalam isu pertapakan British di Singapura. Keberhasilan British memperoleh maklumat mengenai krisis pewarisan takhta kerajaan Johor di antara Sultan Abdul Rahman dan Tengku Husin merupakan antara titik tolak pertapakan British di Singapura.<sup>35</sup> Dalam pertemuan Raffles dan Farquhar dengan Temenggung Abdul Rahman, kedua-dua pihak bersetuju untuk menabalkan Tengku Husin sebagai seorang sultan. Satu Perjanjian Sementara di antara Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles telah ditandatangani pada 30 Januari 1819 untuk mengikat kerjasama tersebut. Melalui perjanjian ini, British diberi kebenaran membuka loji perdagangan, menempatkan angkatan tentera serta mengibarkan bendera British di Singapura.<sup>36</sup> Dalam hal ini, walaupun Temenggung Abdul Rahman adalah pemerintah '*de facto*' di Singapura, namun Raffles masih memerlukan seorang sultan untuk mengabsahkan perjanjian tersebut. Justeru itu, pada 6 Februari 1819, Tengku Husin telah ditabalkan sebagai Sultan Johor yang bersemayam di Singapura.<sup>37</sup> Selain itu, British juga mengiktiraf Sultan Husin sebagai waris sulung yang sah dan berhak ke atas takhta Johor dan wilayah-wilayah di bawah naungannya.<sup>38</sup> Istilah pemerintahan '*tripartite*' digunakan oleh Carl A. Trocki untuk menggambarkan pembahagian kuasa pemerintahan di antara sultan, temenggung dan British di Singapura. Lantaran itu, pertabalan Sultan Husin turut memberi legitimasi kuasa dan pengaruh British di Singapura. Dalam pada itu, pertapakan British di Singapura terus diperkukuh melalui perlantikan Farquhar sebagai Residen dan ketua angkatan tentera di Singapura.<sup>39</sup>

Pertapakan British di Singapura mula mencetuskan pertikaian dengan Belanda setelah Gabenor Belanda di Melaka, Timmerman Thijssen menerima maklumat mengenai pertabalan Sultan Husin. Kesannya, pentadbiran British di Pulau Pinang dan di Bangkahulu telah menerima bantahan daripada Thijssen seawal 10 Februari 1819. Pihak Belanda menganggap pertapakan British di Singapura merupakan satu ancaman terhadap hegemoni kuasa Belanda di Hindia Timur. Tambahan pula Singapura merupakan sebahagian wilayah Johor yang dianggap berada di bawah naungan Belanda. Oleh itu, pertapakan British di Singapura telah mencabar Belanda yang baru sahaja memeterai Perjanjian Persahabatan dengan Johor pada 28 November 1818. Justeru itu, isu ini adalah perkara yang serius kerana turut melibatkan kedaulatan Raja Belanda yang telah mengabsahkan perjanjian tersebut. Dalam masa yang sama, pertapakan British di Singapura juga telah melanggar kedaulatan Sultan Abdul Rahman sebagai '*de jure*' bagi kerajaan Johor yang meliputi Johor, Pahang, Riau, Lingga dan Singapura.<sup>40</sup> Sehubungan dengan itu, pertikaian di antara Belanda dengan British berkenaan pertapakan British di Singapura ini turut melibatkan isu kedaulatan kerajaan Johor dan Belanda.

Sepucuk surat daripada Van der Capellen selaku Gabenor Jeneral dan salah seorang Pesuruhjaya Jeneral Hindia Belanda turut dihantar kepada Gabenor Jeneral British di India untuk menyatakan kekesalannya terhadap tindakan Farquhar. Kelemahan Belanda adalah menyakini bahawa kerajaan British di Bengal akan memihak kepada Belanda. Keyakinan ini bersandarkan kepada beberapa keputusan kerajaan British di Bengal yang menyebelahi Belanda dalam pertikaian di Lampung, Padang dan Palembang.<sup>41</sup> Namun begitu, jawapan balas daripada Hastings pada 26 Februari 1819 tidak memihak kepada Belanda. Alasannya, British menolak tindakan Belanda yang dilihat giat meluaskan penguasaan terhadap negeri-negeri yang British anggap telah bebas seperti kerajaan Johor.<sup>42</sup> Di pihak British, Temenggung Johor mempunyai autoriti dan legitimasi sebagai pemerintah tempatan yang sah terhadap Singapura.<sup>43</sup> Perjanjian ini kemudiannya diabsahkan melalui pertabalan Sultan Husin di Singapura pada 6 Februari 1819. Dari sudut lain, pengunduran British dari Singapura boleh

menjejaskan prestij British dengan pemerintah tempatan ini kerana British telah menjanjikan perlindungannya. Justeru itu, Hastings membuat keputusan untuk tidak mengarahkan British berundur dari Singapura tanpa kebenaran daripada kerajaan Britain.

Keputusan Hastings juga didasari oleh hujah bahawa Johor tidak berada di bawah naungan Belanda. Menurut Hastings, satu-satunya asas hubungan Belanda dengan Johor adalah berdasarkan Perjanjian Persahabatan yang telah ditandatangani antara kedua-dua belah pihak pada 28 November 1818.<sup>44</sup> Namun begitu, Farquhar yang mewakili British telah terlebih dahulu menandatangani Perjanjian Ikatan Perdagangan dengan Johor pada 19 Ogos 1818. Justeru itu, British telah terlebih dahulu mempunyai hubungan '*most favored nation*' dengan Johor. Maka, sebarang perjanjian Johor dengan mana-mana negara lain perlu mendapat kebenaran British. Berdasarkan hujah-hujah ini, perjanjian Belanda dengan Johor pada 28 November 1818 juga tidak diiktiraf oleh British. Hujah dan pertikaian di antara Hastings dengan Capellen ini berlanjutan sehingga ke penghujung tahun 1819. Di peringkat awal, Hastings bersedia untuk meninggalkan Singapura sekiranya pertapakan British di Singapura didapati melanggar hak Belanda. Namun menjelang 25 Januari 1820, Hastings menerima galakan daripada Jawatankuasa Rahsia di London untuk terus mengekalkan pertapakan British di Singapura.<sup>45</sup>

### **Usaha Rundingan di antara Belanda dengan British**

Usaha rundingan di antara Belanda dengan British dapat dikaitkan dengan perancangan Belanda untuk menilai semula pembahagian kawasan yang telah ditentukan berdasarkan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Seawal tahun 1817, Elout selaku Pesuruhjaya Jeneral Hindia Belanda telah mula mengadakan perbincangan dengan Anton Reinhard Falck yang merupakan Menteri Pendidikan, Industri Negara, dan Jajahan Belanda. Matlamatnya adalah untuk merancang pertukaran wilayah dengan British di Asia kerana Belanda masih tidak berpuas hati dengan pembahagian kuasa dan lingkungan pengaruh berdasarkan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Elout mencadangkan loji perdagangan Belanda di Hindustan dan Bengal diserahkan kepada British dan sebagai pertukaran, British menyerahkan Bangkahulu dan Pulau Pinang kepada Belanda. Rancangan Elout dipersetujui oleh Falck yang juga merupakan penasihat Raja Belanda, William I.<sup>46</sup> Seterusnya, persetujuan daripada Raja William I telah memberi kebenaran kepada Gabenor Belanda di London iaitu Hendrik Fagel untuk menetapkan penyerahan Bangkahulu dan Pulau Pinang sebagai syarat wajib sekiranya pertukaran kawasan ingin dilakukan. Berbeza dengan Falck, senario geopolitik di Hindia Timur difahami dengan baik oleh Fagel. Berdasarkan penelitian Fagel, kedudukan dan kepentingan Pulau Pinang menyukarkan rancangan pertukaran kawasan dengan British. Dalam masa yang sama, status Pulau Belitung yang tidak dinyatakan secara jelas dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 turut mencetuskan kebimbangan.<sup>47</sup> Perbincangan mengenai status Pulau Belitung penting kerana pulau tersebut berada bersebelahan Pulau Bangka yang berada di bawah penguasaan Belanda. Pulau Belitung juga penting kerana kedudukannya mampu memberi ancaman terhadap laluan perdagangan di Selat Sunda yang selama ini dikuasai oleh Belanda. Justeru itu, sebelum perbincangan mengenai pertukaran kawasan dengan British dilaksanakan, status Pulau Belitung perlu diselesaikan terlebih dahulu. Kesannya, kerajaan Hindia Belanda telah mengambil keputusan untuk segera menguasai Pulau Belitung di penghujung tahun 1818. Harry J. Marks dalam penulisannya mengkritik tindakan Belanda kerana penguasaan Belanda terhadap Pulau Belitung menyalahi Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 yang tidak menyatakan status Pulau Belitung secara jelas.<sup>48</sup> Tindakan



Belanda ini telah menambah pertikaian dengan British kerana tidak menghormati semangat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814.

Menjelang Ogos 1819, usaha penyelesaian pertikaian di antara Belanda dengan British dalam isu pertapakan British di Singapura semakin mendapat perhatian. Antara sebab usaha rundingan di antara Belanda dengan British tergendala sebelum ini adalah kerana George Canning selaku Presiden Lembaga Kawalan British melihat pengunduran British di Singapura boleh menjejaskan imej British.<sup>49</sup> Walau bagaimanapun, usaha penyelesaian pertikaian di Singapura ini kemudiannya telah diteruskan oleh Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar Britain iaitu Robert Stewart atau lebih dikenali sebagai Castlereagh. Beliau telah mengarahkan Duta British, Clancarty untuk membuat perbincangan awal dengan Menteri Luar Belanda, Van Nagell.<sup>50</sup> Berdasarkan rundingan tersebut, kerajaan Britain telah menggariskan dua prinsip yang tidak boleh dirunding. Prinsip pertama adalah British tidak boleh menerima pengecualian perdagangan atau aktiviti monopoli Belanda secara total di Hindia Timur sebagaimana yang berlaku pada abad ke-18 ketika pentadbiran VOC. Prinsip kedua yang ditekankan adalah penolakan penguasaan Belanda secara eksklusif di Selat Melaka. Hal ini disebabkan penguasaan eksklusif Belanda di Selat Melaka boleh menyebabkan perdagangan British dengan China terdedah kepada serangan terutamanya pada zaman perang.<sup>51</sup> Prinsip-prinsip ini tidak dipersetujui oleh Belanda kerana keinginan Belanda untuk turut mempunyai hak eksklusif perdagangan di Hindia Timur sama seperti yang dinikmati oleh British di India. Matlamat kerajaan Hindia Belanda adalah untuk mengekalkan hegemoni kuasa Belanda di Jawa dan wilayah-wilayah lamanya di Hindia Timur tanpa persaingan daripada British. Perbincangan ini berakhir tanpa sebarang keputusan namun kedua-dua belah pihak berjaya mengutarakan prinsip dan pendirian awal masing-masing.

Persidangan khas di antara Belanda dengan British akhirnya dijalankan pada 20 Julai 1820. Kedua-dua belah pihak diberikan ruang untuk membentangkan isu dan permasalahan yang timbul akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Di pihak Belanda, isu dan permasalahan yang dibangkitkan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah berkenaan transaksi hal ehwal kewangan di Jawa, Maluku, Melaka dan Padang.<sup>52</sup> Bahagian kedua yang dibangkitkan oleh Belanda adalah berkenaan persoalan mengenai hal ehwal kewangan umumnya di Hindia Timur. Belanda menuntut pengecualian cukai barangan import dan eksport seperti yang telah dinikmati oleh Belanda sebelum ini sehinggalah ke tahun 1795. Seterusnya, bahagian ketiga melibatkan hak dan hubungan politikal serta perdagangan. Bahagian ini terbahagi kepada isu di Pulau Belitung, Palembang dan Pulau Bangka serta Benua India.<sup>53</sup> Perbincangan isu di Benua India lebih kompleks kerana melibatkan pertikaian di Singapura yang tidak ingin dilepaskan oleh kedua-dua belah pihak.<sup>54</sup> Walau bagaimanapun, persidangan ini berakhir tanpa sebarang keputusan muktamad.

Usaha rundingan di antara Belanda dengan British akhirnya beralih kepada perbincangan mengenai pertukaran wilayah di antara kedua-dua belah pihak. Pada 22 Julai 1820, Canning telah mencadangkan penyerahan Pulau Belitung kepada Belanda dengan syarat pertapakan British di Singapura tidak dibantah oleh Belanda.<sup>55</sup> Di pihak Belanda, cadangan Canning membawa pengertian bahawa Pulau Belitung adalah milik British untuk diserahkan kepada Belanda. Sedangkan bagi pihak Belanda, Pulau Belitung merupakan sebuah wilayah yang berada di bawah autoriti Pulau Bangka. Berdasarkan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814, apabila Pulau Bangka diserahkan kepada Belanda, Belanda menganggap Pulau Belitung turut berada di bawah lingkungan penguasaannya. Penolakan cadangan Canning ini dibalas dengan tuntutan pengunduran keluar British daripada Singapura. Dalam masa yang sama, Belanda tidak ingin melepaskan hak penguasaannya terhadap Pulau Belitung. Sebagai

balasan, Belanda bersetuju menyerahkan Fultha (kini Bengal Barat) kepada British.<sup>56</sup> Ketegasan kedua-dua belah pihak dalam isu ini menyebabkan tiada penyelesaian dapat dicapai walaupun wakil Belanda dan British bertemu semula dalam beberapa persidangan lain. Perbincangan ini akhirnya ditangguhkan kerana Canning ingin mendapatkan maklumat lanjut daripada Hastings sebelum membuat sebarang keputusan berhubung pertukaran wilayah dengan Belanda.

### **Usaha Penyelesaian Pertikaian Belanda dan British Melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824**

Usaha penyelesaian pertikaian di antara Belanda dan British kembali dibincangkan semula pada Januari 1823 setelah berlakunya beberapa perubahan dalam pentadbiran British. Pada ketika itu, Canning telah dilantik sebagai Setiausaha Luar British manakala jawatan lamanya sebagai Presiden Lembaga Kawalan digantikan oleh Charles Williams-Wynn. Dalam hal ini, halangan terbesar usaha penyelesaian pertikaian ini adalah disebabkan oleh pendirian Canning yang menganggap tiada sebarang sebab bagi pihak British untuk kembali berbincang dengan Belanda berhubung pertapaan British di Singapura. Canning juga telah menerima makluman daripada kerajaan British di Bengal untuk mengelak sebarang rundingan dengan Belanda khususnya berkaitan pertikaian yang timbul akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Justeru itu, apabila terdapatnya berita bahawa Belanda bersedia untuk mengugurkan tuntutan terhadap Singapura, Canning akhirnya bersetuju untuk kembali berunding dengan Belanda.<sup>57</sup> Idea untuk menamatkan tuntutan Belanda terhadap Singapura ini sebenarnya diketengahkan oleh Falck dalam memorandumnya kepada King William I pada 31 Julai 1823. Falck berpendapat bahawa Belanda tidak memperoleh keuntungan akibat pertikaian kuasa dan lingkungan dengan British di Hindia Timur khususnya di Singapura. Dalam masa yang sama, Belanda juga telah mempunyai penempatan yang strategik di Riau yang boleh menyaingi British di Singapura. Justeru itu, pengguguran tuntutan terhadap Singapura membolehkan Belanda mendapatkan wilayah lain daripada British sebagai tukaran kepada Singapura.<sup>58</sup>

Rundingan di antara Belanda dan British akhirnya dimulakan semula pada 15 Disember 1823 setelah ditangguhkan sejak tahun 1820. Kejayaan awal rundingan ini adalah wujudnya cadangan pertukaran penempatan serta perangkaan satu garis sempadan di antara Belanda dengan British. Matlamatnya adalah untuk memastikan tiada pertikaian harta benda dan hak penguasaan terhadap penempatan di kawasan masing-masing. Cadangan ini menggariskan sempadan lingkungan pengaruh di antara Belanda dan British menyusuri Selat Melaka sehingga ke selatan Singapura dan utara kepulauan Batam dan Bintan. Seluruh Sumatera termasuk Bangkahulu dicadangkan menjadi milik Belanda manakala Semenanjung Melaka (kini Semenanjung Malaysia), termasuk Melaka dan Singapura, menjadi milik British.<sup>59</sup> Halangan pertama dalam pelaksanaan cadangan tersebut adalah apabila Jawatankuasa Rahsia di London telah menegaskan kepentingan Bangkahulu kepada British. Bangkahulu penting kepada British kerana berpotensi memutuskan rantai perdagangan lada yang dimonopoli oleh Belanda di Sumatera.<sup>60</sup> Kehilangan Bangkahulu juga dikhuatir boleh menyebabkan Belanda menguasai laluan dari Teluk Tapanuli di Utara Sumatera sehingga ke Lampung di Selatan Sumatera. Kesannya, British akan kehilangan satu-satunya penempatan utamanya di Sumatera yang boleh membatasi kuasa Belanda di laluan ke Selat Sunda. Hujah ini disangkal oleh Belanda kerana Bangkahulu yang berada di bawah penguasaan British beroperasi dalam kerugian kerana mempunyai perbelanjaan yang tinggi. Justeru itu, Belanda

berpendapat kedudukannya yang lebih kukuh di Sumatera mampu mentadbir Bangkahulu dengan lebih baik.<sup>61</sup> Dalam isu penguasaan laluan Selat Sunda, Belanda menegaskan bahawa rancangan pengunduran Belanda dari Melaka serta pengguguran tuntutan terhadap Singapura memberikan ruang kepada British untuk menguasai laluan perdagangan di Selat Melaka.

Rundingan di antara Belanda dan British akhirnya menemui kata sepakat melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 atau juga dikenali sebagai Persetiaan London. Perjanjian tersebut ditandatangani pada 17 Mac 1824 oleh wakil Belanda iaitu Fagel dan Falck serta wakil British iaitu Canning dan Wynn. Melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, persepakatan dalam hal ehwal perdagangan dipersetujui dalam Perkara I, II dan III. Perkara I memberi kebenaran dan layanan sebagai '*most favored nation*' kepada pedagang Belanda dan British untuk berdagang di Benua India dan kawasan-kawasan di Hindia Timur berdasarkan peraturan tempatan.<sup>62</sup> Perkara II pula menetapkan beberapa kadar cukai kepada pedagang Belanda dan British. Cukai tersebut dikenakan pada kadar yang terhad dan minima. Selain itu, Perkara III memberi jaminan bahawa tiada lagi monopoli atau pengecualian perdagangan dengan negara lain di Hindia Timur. Dalam hal ini, Perkara I, II dan III merupakan usaha Belanda dan British untuk mewujudkan perdagangan yang aman di Asia sekaligus menamatkan monopoli perdagangan seperti yang berlaku sebelum abad ke-18. Seterusnya, Perkara IV menetapkan bahawa perdagangan bebas di antara Belanda dan British perlu dipelihara oleh pihak berkuasa sivil dan ketenteraan di kawasan masing-masing. Dalam masa yang sama, Belanda dan British juga perlu berkerjasama menangani ancaman lanun dan penyeludupan di perairan masing-masing berdasarkan Perkara V.<sup>63</sup> Dalam hal ini, Perkara IV dan V merupakan usaha Belanda dan British untuk memastikan perdagangan masing-masing berada dalam keadaan selamat dan terkawal. Kedua-dua belah pihak juga bersetuju ancaman serangan lanun dan penyeludupan boleh menjejaskan perdagangan dan keselamatan pedagang. Oleh yang demikian, berdasarkan Perkara I sehingga Perkara V, Belanda dan British berjaya mencapai kata sepakat untuk membentuk suasana perdagangan yang menguntungkan dan selamat bagi kedua-dua belah pihak.

Selain menyelesaikan pertikaian dalam hal ehwal perdagangan, matlamat Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 juga adalah untuk menyelesaikan pertikaian kuasa di antara Belanda dan British. Umumnya, usaha awal perluasan kuasa British yang digerakkan oleh Raffles tidak mendapat kebenaran kerajaan British di Bengal mahupun kerajaan Britain. Justeru itu, bagi mengelakkan hal itu berlaku lagi, Perkara VI daripada Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 turut melarang pegawai atau ejen Belanda mahupun British daripada membuka sebarang penempatan baru di mana-mana kawasan di Hindia Timur tanpa kebenaran kerajaan masing-masing di Eropah.<sup>64</sup> Selain itu, Belanda juga memperoleh kebenaran untuk meneruskan hak eksklusif monopoli perdagangan di kepulauan Maluku berdasarkan Perkara VII. Seterusnya, berdasarkan Perkara IX, loji perdagangan dan Kota Marlborough di Bangkahulu serta segala pemilikan British di kepulauan Sumatera diserahkan kepada Belanda. Perkara IX ini menepati permintaan Belanda yang menginginkan penguasaan penuh terhadap kepulauan Sumatera.<sup>65</sup> Dalam masa yang sama, berdasarkan Perkara XI, British juga menarik bantahan terhadap pertapakan Belanda di Pulau Belitung. Sebagai tukaran, berdasarkan Perkara X, Belanda bersedia menyerahkan pemilikannya di Melaka dan tidak membuka penempatan di seluruh Semenanjung Melaka atau membuat apa-apa perjanjian dengan pemerintah tempatan di sana.<sup>66</sup> Akhir sekali, isu utama yang melibatkan pertikaian di Singapura akhirnya diselesaikan melalui Perkara XII iaitu melalui persetujuan Belanda untuk menarik bantahan terhadap pertapakan British di Singapura. Selain itu, British juga bersetuju untuk tidak membuka penempatan atau mengadakan perjanjian dengan pemerintah tempatan di

pulau-pulau di Karimun, Batam, Bintang (Bintan, Riau) dan Lingen (Lingga) atau mana-mana pulau di selatan selat Singapura.<sup>67</sup> Umumnya, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah membahagikan lingkungan pengaruh Belanda dan British melibatkan kerajaan Johor yang sebelum ini meliputi Johor, Riau, Lingga, Pahang, Singapura serta kepulauan di selatan Selat Singapura seperti di Karimun, Batam, Buru, Bulang, Rempang, Galang, Temiang, Moro, Sugi dan lain-lain.

## Kesimpulan

Pasca Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 memperlihatkan Belanda dan British kembali bersaing di Hindia Timur sehingga mencetuskan pertikaian di antara kedua-dua belah pihak. Persaingan kuasa di antara Belanda dan British di Hindia Timur dapat dikaitkan dengan keuntungan dan kemakmuran yang dinikmati oleh British setelah mengambil alih tanah jajahan dan loji perdagangan Belanda sejak tahun 1795 sehingga 1816. Keuntungan perdagangan ini ingin terus dikekalkan oleh pegawai-pegawai British setelah Belanda kembali di Hindia Timur. Matlamat ini telah membawa kepada beberapa usaha pegawai-pegawai British yang telah membuat perjanjian perdagangan dan berusaha mendapatkan penempatan baru di Hindia Timur. Pertikaian mula berlaku apabila Belanda turut ingin mengembalikan hegemoni kuasa dan monopoli perdagangannya di Hindia Timur. Hasil kajian mendapati beberapa pertikaian di antara Belanda dan British yang tercetus di Sumatera bertitik tolak daripada kelemahan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Pertikaian ini tidak berjaya diselesaikan terutamanya apabila kedua-dua belah pihak tidak ingin mengalah dalam isu pertapakan British di Singapura pada tahun 1819. Kesannya pertikaian ini berterusan sehingga tahun 1824 kerana kedua-dua belah pihak mempunyai hujah dan bukti sokongan tersendiri. Dalam tempoh tersebut, Belanda dan British telah mengadakan beberapa persidangan untuk membincangkan segala isu dan permasalahan yang tercetus akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Sungguhpun begitu, British masih tidak ingin melepaskan penguasaannya terhadap Singapura terutamanya apabila perdagangan British di Singapura semakin berkembang selepas tahun 1819. Dalam pada itu, Belanda juga bertegas ingin mempunyai suatu kawasan yang dikuasai sepenuhnya seperti di kepulauan Jawa. Kata sepakat akhirnya berjaya dicapai apabila kedua-dua belah pihak mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mendapatkan keuntungan perdagangan dan kemakmuran di rantau Asia. Justeru itu, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 antara lain telah membahagikan lingkungan pengaruh Belanda dan British bagi memastikan aktiviti ekonomi dan perdagangan masing-masing dapat berjalan dengan selamat dan menguntungkan.

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 mempamerkan bahawa Belanda dan British berjaya berunding bagi mengelakkan permusuhan atau peperangan di Hindia Timur. Kajian ini dapat menyimpulkan bahawa terdapat dua permasalahan utama yang timbul akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Permasalahan pertama adalah berkenaan transaksi kewangan yang melibatkan hasil keuntungan dan cukai perdagangan. Transaksi kewangan ini melibatkan pertikaian semasa British mentadbir wilayah dan pemilikan Belanda khususnya di Hindia Timur dari tahun 1795 sehingga tahun 1816. Permasalahan kedua adalah berkenaan hak dan hubungan politik yang melibatkan pertikaian wilayah dan kawasan perdagangan. Walaupun pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh antara Belanda dan British ini berjaya diselesaikan melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, namun perjanjian ini turut memberi kesan kepada pemerintahan tempatan. Dari satu sudut, Belanda gagal melindungi kedaulatan naungannya iaitu kerajaan Johor daripada kehilangan wilayah di Singapura. Dalam masa yang sama, lingkungan pengaruh di antara Belanda dan British telah memisahkan kerajaan

Johor yang sebelum ini meliputi Johor, Riau, Lingga, Pahang, Pahang, Singapura serta kepulauan di selatan Selat Singapura. Secara tidak langsung, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah mengakibatkan perubahan kuasa dan lingkungan pengaruh di peringkat tempatan iaitu apabila Riau, Lingga dan beberapa pulau di selatan Selat Singapura diletakkan di bawah pengaruh Belanda manakala Johor, Pahang dan Singapura diletakkan di bawah pengaruh British. Kesimpulannya, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 berjaya menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara Belanda dan British akibat kelemahan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814, namun turut memberi kesan kepada pemerintahan tempatan di Hindia Timur. Selain membentuk lingkungan pengaruh masing-masing dengan aman, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 juga berjaya menyelesaikan persaingan dan pertikaian di antara Belanda dengan British tanpa sebarang konflik peperangan.

## Nota

<sup>1</sup> Hindia Timur merujuk kepada daratan pantai yang terdiri daripada benua kecil India dan Semenanjung Indochina serta kepulauan Melayu. Di penghujung abad ke-19, Hindia Timur merujuk kepada kawasan yang berada di bawah pentadbiran kerajaan Hindia Belanda. Geografi Hindia Timur pada masa kini merujuk kepada kawasan di kepulauan Melayu, kepulauan Indonesia, Borneo dan kepulauan Filipina. Rujuk Elsbeth Locher-Scholten, "Dutch Expansion in the Indonesian Archipelago around 1900 and the Imperialism Debate," *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 25, No. 1, 1994, hlm. 109.

<sup>2</sup> W. PH. Coolhaas, *A Critical Survey of Studies on Dutch Colonial History*, 's-Gravenhage, Martinus Nijhoff, 1960, hlm. 78.

<sup>3</sup> L.A. Mills, *British Malaya 1824-67*, Petaling Jaya, MBRAS Reprint No. 22, 1960, hlm. 63-65.

<sup>4</sup> David Onnekink & Gijs Rommelse, *The Dutch in the Early Modern World, A History of a Global Power*, United Kingdom, Cambridge University Press, 2019, hlm, 278.

<sup>5</sup> G.J. Renier, *Great Britain and the Establishment of the Kingdom of the Netherlands, 1813-1815: A Study in British Foreign Policy*, Leiden, Martinus Nijhoff, 1930, hlm. 155.

<sup>6</sup> Perjanjian ini mengembalikan tanah jajahan Belanda kecuali di Tanjung Harapan dan di Amerika Selatan iaitu di Demerara, Essequibo dan Berbice, di mana Belanda mengekalkan hak perdagangan. British juga menyerahkan Pulau Bangka, Sumatera sebagai pertukaran untuk penempatan Belanda di Cochin (kini Kochi), India. Belanda juga menyerahkan daerah Bernagore, yang terletak berhampiran Calcutta (kini Kolkata), India sebagai pertukaran kepada British. Rujuk W. H. Robson, *New Light on Lord Castlereagh's Diplomacy*, *The Journal of Modern History*, Vol. 3, No. 2, 1931, hlm. 198.

<sup>7</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, S· Gravenhage, Martinus Nijhoff, 1959, hlm. 18.

<sup>8</sup> Kerajaan United Kingdom Belanda adalah nama tidak rasmi kerajaan Belanda yang wujud dari tahun 1815 sehingga 1839. Kerajaan ini menggantikan Republik Batavia selepas Perang Napoleon tamat. Kerajaan United Kingdom Belanda diperintah oleh Raja William I melalui sistem monarki berperlembagaan. Rujuk J.C. Boogman, "The Netherlands in the European Scene, 1813-1913", In *Britain and the Netherlands in Europe and Asia*, edited by J. S. Bromley & E. H. Kossmann, London, Palgrave Macmillan, 1968, hlm. 142.

<sup>9</sup> Ruud Spruit, *The Land of the Sultans, An Illustrated History of Malaysia*, Amsterdam, The Pepin Press BV, 1995, hlm. 107. Bermula tahun 1816, Cornelis Theodorus Elout, Van der Capellen dan Arnold Adriaan Buyskes dilantik sebagai Pesuruhjaya Jeneral Hindia Belanda di Betawi. Elout mengetuai pentadbiran kerajaan Hindia Belanda manakala Capellen bertugas sebagai Gabenor Jeneral. Selain itu, Buyskes dipertanggungjawabkan mengurus ketenteraan Belanda di Hindia Timur. Rujuk J. J. van Klaveren, *The Dutch Colonial System in the East Indies*, M. Nijhoff, The Hague, 1953, hlm. 96.

<sup>10</sup> Syarikat Hindia Timur Belanda atau '*Vereenigde Oostindische Compagnie*' (VOC) merupakan ialah sebuah syarikat berpiagam yang ditubuhkan pada 1602 untuk menjalankan aktiviti perdagangan Belanda di Asia.

Setelah dibebani dengan rasuah, aktiviti penyeludupan dan kos pentadbiran yang semakin meningkat, VOC akhirnya jatuh muflis dan secara rasmi dibubarkan pada tahun 1799. Rujuk Ian Burnet, *East Indies*, Australia, Rosenberg Publishing Pty Ltd, 2013, hlm. 139.

<sup>11</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, 1959, hlm. 3.

<sup>12</sup> E.D. Waal, *Nederlandsch-Indië in de Staten-Generaal sedert de Grondwet van 1814*, The Hague, Martinus Nijhoff, 1860, hlm 14-15.

<sup>13</sup> H. R. C. Wright, "The Anglo-Dutch Dispute in the East, 1814-1824," *The Economic History Review*, Vol. 3. No. 2, 1950, hlm. 236.

<sup>14</sup> C. L. M. Penders, *The Expansion of Dutch Control on The Centralwest and East Coasts of Sumatra: 1816-1873*, *Master Thesis*, The Australian National University, Australia, 1962, hlm. 26-27.

<sup>15</sup> Stamford Raffles berkhidmat sebagai Leftenan Gabenor Hindia Timur British antara tahun 1811 dan 1816. Pada tahun 1816, jawatan Raffles sebagai Leftenan Gabenor ditamatkan dan beliau dilantik sebagai Leftenan Gabenor Bangkahulu pada tahun 1818. Rujuk John Bastin, *Sir Stamford Raffles and Some of His Friends and Contemporaries: a memoir of the founder of Singapore*, Singapore, World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd., 2019, hlm. 232.

<sup>16</sup> Pada 24 September 1801, John Campbell yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) telah membuat perjanjian dengan pemerintah tempatan di Teluk Semangka. Rujuk J. S. Tay, "The Attempts of Raffles to Establish a British Base in South-East Asia, 1818-1819," *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, 1960, hlm. 33.

<sup>17</sup> P. H. Van Der Kemp, "Raffles' Bezetting Van De Lampongs In 1818," *Bijdragen tot de Taal, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, Vol. 50, 1899, hlm. 7, 36-37.

<sup>18</sup> Heather Sutherland, *Seaways and Gatekeepers: Trade and State in the Eastern Archipelagos of Southeast Asia, c.1600 – c.1906*, Singapore, NUS Press, 2021, hlm. 262.

<sup>19</sup> Kesultanan Palembang telah mempunyai hubungan dagangan dengan Belanda seawal tahun 1619 apabila VOC membuka loji perdagangan di Palembang. Semasa British mengambil alih Palembang daripada Belanda pada tahun 1812, kerajaan Palembang pimpinan Sultan Mahmud Badaruddin II tidak mengiktiraf tindakan tersebut. British akhirnya menguasai Palembang setelah menabalkan adik Sultan Mahmud iaitu Sultan Najmuddin sebagai Sultan Palembang yang baru. Bacaan lanjut, rujuk J. C. Baud, "Palembang in 1811 en 1812," *Bijdragen tot en Taal-Land-en Volkenkunde Van Nederlandsch-Indië*, Vol. 1. No.1, 1852, hlm. 15-16.

<sup>20</sup> Mary F. Somers Heidhues, "Company Island: A Note on the History of Belitung," *Indonesia*, No. 51, 1991, hlm. 2. Rujuk juga Nicholas Tarling, *Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World 1780-1824*, Cambridge: Cambridge University Press, 1962, hlm. 82-83.

<sup>21</sup> 2.10.01 Inventaris van het archief van het Ministerie van Koloniën, 1814-1849, 3072 Rapport van de resident te Palembang over de toestand aldaar, in het bijzonder betreffende de moeilijkheden ontstaan door de gedragingen van Th.J. Raffles; met bijlagen, 1819.

<sup>22</sup> J. S. Tay, "The Attempts of Raffles to Establish a British Base in South-East Asia, 1818-1819," 1960, hlm. 40.

<sup>23</sup> P. H. Van Der Kemp, "Sumatra's Westkust naar aanleiding van het Londensch Tractaat van 13 Augustus 1814," *Bijdragen tot de Taal-, Landen Volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, Vol. 49, No. 2, 1898, hlm. 217.

<sup>24</sup> Bernard H.M. Vlekke, *The Story of the Dutch Indies*, Cambridge, Harvard University Press, 1945, hlm. 49.

<sup>25</sup> *Rotterdamsche Courant*, Bataviasche Berigten, 7 October 1819. Rujuk juga Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, hlm. 28.

<sup>26</sup> John Bastin, *Raffles and Hastings Private Exchanges behind the Founding of Singapore*, Singapore, Marshall Cavendish, 2014, hlm. 25-27.

<sup>27</sup> P. H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van Nederlandsche-Indië*, Vol. 49, No. 3/4, 1898, hlm. 445.

<sup>28</sup> W. G. Maxwell & W. S. Gibson, *Treaties and engagements affecting the Malay States and Borneo*, London, Jas Truscott & Son, 1924, hlm. 20-21.

## Pertikaian Inggeris-Belanda di Hindia Timur dan Usaha Penyelesaiannya

<sup>29</sup> P. H. Van Der Kemp, *De Singapoorsche Papieroorlog*, 1898, hlm. 447-448.

<sup>30</sup> Kedudukan Johor sebagai vasal atau naungan Belanda bermula dalam peperangan di antara Johor dengan Belanda pada tahun 1784. Kekalahan Yang Dipertuan Muda Johor ke-4, Raja Haji dan pasukan tentera Bugis telah menyebabkan Johor terpaksa menjadi naungan Belanda pada 1 November 1784. Rujuk Reinout Vos, *Gentle Janus, Merchant Prince: The VOC and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800*, Leiden, KITLV, 1993, hlm. 181.

<sup>31</sup> Dalam undang-undang antarabangsa, 'protectorate' atau naungan terhasil melalui perjanjian antara dua pihak. Kebebasan dan autonomi sesebuah vasal atau naungan berbeza mengikut sesebuah perjanjian naungan. Berdasarkan perjanjian di antara kerajaan Johor dengan Belanda pada 1 November 1784, hubungan kerajaan Johor dengan negara luar perlu mendapat kebenaran Belanda terlebih dahulu. Rujuk W. Michael Reisman, "Reflections on State Responsibility for Violations of Explicit Protectorate, Mandate, and Trusteeship Obligations," *Michigan Journal of International Law*, Vol. 10, No. 1, 1989, hlm. 233-234. Rujuk juga Reinout Vos, *Gentle Janus, Merchant Prince: The VOC and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800*, hlm. 171-181.

<sup>32</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, 1959, hlm. 24.

<sup>33</sup> P. H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," 1898, hlm. 449-451.

<sup>34</sup> *Strait Settlement Record (SSR) B5*, Surat Gabenor Pulau Pinang, Colonel Bannerman kepada Setiausaha Kerajaan di London, 8 Mac 1819. Rujuk juga P. H. Van Der Kemp, "De Commissiën van Den Schout-Bij-Nacht C. J. Wolterbeek Naar Malakka En Riouw in Juli-December 1818 En Februari-April 1820," *Bijdragen tot de Taal, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, Vol. 51, No. 1, 1900, hlm. 34.

<sup>35</sup> Selepas kemangkatan Sultan Johor ke-15 iaitu Sultan Mahmud Shah III pada 12 Januari 1812, al-marhum sultan meninggalkan dua orang putera iaitu Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman. Krisis mula muncul apabila Tengku Abdul Rahman telah ditabal sebagai Sultan Johor ke-16 walaupun Tengku Husin merupakan putera sulung Sultan Mahmud Shah III. Rujuk Virginia Matheson Hooker, *Tuhfat Al-Nafis, Sejarah Melayu Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 492-493. Rujuk juga R.O. Winstedt, "The Bendaharas and Temenggongs," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 10, No. 1, 1932, hlm. 63.

<sup>36</sup> Charles B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1965, hlm. 276-277.

<sup>37</sup> C. D. Cowan, "Early Penang & the Rise of Singapore 1805-1832," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 23, No. 2, 1950, hlm. 89-90.

<sup>38</sup> P. H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," 1898, hlm. 457.

<sup>39</sup> Carl A. Trocki, *Prince of Pirates the Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, Singapore, NUS Press, 2007, hlm. 61.

<sup>40</sup> 2.10.01 Inventaris van het archief van het Ministerie van Koloniën, 1814-1849, Aantekeningen uit de Portfeuille met stukken over onderhandelingen met Engeland van 1816 tot 1824, 18 Oktober 1858.

<sup>41</sup> C. L. M. Penders, *The Expansion of Dutch Control on The Centralwest and East Coasts of Sumatra: 1816-1873*, 1962, hlm. vii.

<sup>42</sup> P.H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," 1898, hlm 466-467.

<sup>43</sup> Penjelasan mengenai pengaruh dan kuasa Temenggung Johor boleh difahami dengan istilah "perintah" yang meliputi beberapa pulau termasuklah di Singapura. Perkara ini memberi kefahaman kepada British bahawa Temenggung Johor mempunyai autoriti untuk membuat perjanjian dengan British tanpa melibatkan Yang Dipertuan Muda Johor di Riau mahupun Sultan Johor di Lingga. Rujuk Carl A. Trocki, *Prince of Pirates the Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, 2007, hlm. 15.

<sup>44</sup> Hastings turut menggunakan hujah Farquhar yang menyatakan ketika Melaka diambil alih oleh British pada tahun 1795, Johor telah dijamin kebebasan dan kemerdekaan oleh Gabenor Belanda di Melaka. Dalam masa yang sama, menjelang tahun 1795, kerajaan Republik Belanda di Eropah telah diruntuhkan dan seterusnya

pada 1799, VOC telah dimansuhkan. Oleh itu, asas naungan Belanda terhadap Johor dipersoalkan oleh British kerana menjelang tahun 1799, Republik Belanda dan VOC telah dimansuhkan. Rujuk P. H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," 1898, hlm. 449-451.

<sup>45</sup> Jawatankuasa Rahsia merupakan subbahagian daripada Lembaga Pengarah SHTI. Dalam praktiknya, Jawatankuasa Rahsia membincang, membantah dan meminda draf rahsia Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan syarikat. Sehingga tahun 1829, Jawatankuasa Rahsia turut mengambil tugas membincangkan dasar luar SHTI. Rujuk C. H. Philips, "The Secret Committee of the East India Company, 1784-1858," *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, Vol. 10, No. 3, 1940, hlm. 701.

<sup>46</sup> Anton Reinhard Falck, *Ambts-Brieven*, 1802-1842, The Hague, Van Stockum, 1878, hlm. 119.

<sup>47</sup> J.J. Meinsma, *Geschiedenis van de Nederlandsche Oost-Indische bezittingen*, 's Hage, Joh. Ijkema, 1873, hlm. 145.

<sup>48</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, 1959, hlm. 67.

<sup>49</sup> George Canning merupakan Presiden Lembaga Kawalan atau 'Board of Control' dari tahun 1816 sehingga 1821. Lembaga Kawalan merupakan salah satu cabang Kerajaan Britain yang bertanggungjawab menguruskan kepentingan kerajaan British di India dan pentadbiran SHTI dari tahun 1784 sehingga 1858. Rujuk John Keay, *The Honourable Company, A history of the English East India Company*, United Kingdom, HarperCollins, 2010, hlm. 390-391.

<sup>50</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, 1959, hlm. 68-69.

<sup>51</sup> Nordin Hussin, *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011, hlm. 42.

<sup>52</sup> C.T. Elout, *Bijdragen tot de geschiedenis der onderhandeligen met Engeland, betreffende de overzeesche bezittingen, 1820-1824*, The Hague, M. Nijoff, 1865, hlm. 101-102.

<sup>53</sup> Berdasarkan Perjanjian Inggeris-Belanda 1814, British telah menyerahkan Pulau Bangka kepada Belanda. Di pihak Belanda, penyerahan Pulau Bangka turut melibatkan Pulau Belitung kerana sebelum British mengambil alih pulau tersebut pada tahun 1811, Pulau Belitung berada di bawah autoriti Pulau Bangka. Justeru itu, Belanda berharap bahawa perkara ini dapat dirujuk semula. Rujuk Ibid. 103.

<sup>54</sup> Isu berkaitan Benua India dapat dibahagikan kepada beberapa perkara. Perkara pertama membahaskan persoalan Belanda mengenai hak perdagangan komersial Belanda di beberapa bekas presidensi British yang diserahkan kepada Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1814. Perkara kedua secara spesifik menyetujui isu berkenaan Stamford Raffles yang membuka penempatan British di Singapura. Rujuk Ibid.

<sup>55</sup> Ibid. hlm. 111.

<sup>56</sup> Ibid. hlm. 115.

<sup>57</sup> P.H. Van Der Kemp, "De Geschiedenis van het Londensch Tractaat van 17 Maart 1824," *Bijdragen tot de taal-, land- en volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, Vol. 56, No. 1, 1904. hlm. 126.

<sup>58</sup> P. H. Van Der Kemp, "De Singapoorsche Papieroorlog," 1898, hlm. 450-452.

<sup>59</sup> Harry J. Marks, *The First Contest for Singapore 1819-1824*, 1959, hlm. 189.

<sup>60</sup> Hasil semakan British mendapati penanaman lada di beberapa penempatan British di Pantai Malabar serta Pulau Pinang mampu mengatasi kehilangan perdagangan lada British di Bangkahulu. Ini terbukti menjelang tahun 1829 apabila lada menjadi antara komoditi perdagangan utama British di Pulau Pinang. Rujuk Loh Wei Leng, "Penang's Trade and Shipping in the Imperial Age", *In Penang and Its Region the Story of an Asian Entrepôt*, edited by Yeoh Seng Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution & Neil Khor, Singapore, NUS Press, 2009, hlm. 92.

<sup>61</sup> Perbelanjaan SHTI di Bangkahulu dari tahun 1871 sehingga 1821 mencecah 400,000 Dolar Sepanyol manakala pendapatannya tidak melebihi 42,000 Dolar Sepanyol. Rujuk C.T. Elout, *Bijdragen tot de geschiedenis der onderhandeligen met Engeland, betreffende de overzeesche bezittingen, 1820-1824*, 1865, hlm. 186.

<sup>62</sup> Rujuk Lampiran I. Foreign 1840 Dept. Secret, Correspondence Regarding Dutch Aggression in The Eastern Archipelago, 16 March 1840. (ANM 2014/0010565).



<sup>63</sup> SP 10/196, Perjanjian Inggeris dan Belanda 1824. (ANM 2006/0025840).

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Heather Sutherland, *Seaways and Gatekeepers: Trade and State in the Eastern Archipelagos of Southeast Asia, c.1600 – c.1906*, hlm. 288.

<sup>66</sup> Perkara X daripada Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 menggunakan istilah “*Peninsula of Malacca*” yang merujuk kepada seluruh semenanjung di Melaka atau kemudiannya dikenali sebagai Malaya dan Semenanjung Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia). Rujuk Lampiran I. Foreign 1840 Dept. Secret, Correspondence Regarding Dutch Aggression in The Eastern Archipelago, 16 March 1840. (ANM 2014/0010565).

<sup>67</sup> Mardiana Nordin, “Kerajaan Johor-Riau: Kemaharajaan Melayu Serumpun, 1528-1824”, Dlm. *Sumbu Dunia Melayu Hubungan Keserumpunan Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Arba’iyah Mohd Noor, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2018, hlm. 61-62.

<sup>68</sup> P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Madras, Vepery Mission Press, 1834, hlm. 270-272.

## Rujukan

- Bastin, J. 2014. *Raffles and Hastings Private Exchanges behind the Founding of Singapore*, Singapore: Marshall Cavendish.
- Bastin, J. 2019. *Sir Stamford Raffles and Some of His Friends and Contemporaries: a memoir of the founder of Singapore*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Baud, J.C. 1852. “Palembang in 1811 en 1812,” *Bijdragen tot en Taal-Land-en Volkenkunde Van Nederlandsch-Indië* 1, no. 1: 7-40.
- Begbie, P.J. 1834. *The Malayan Peninsula*. Madras: Vepery Mission Press.
- Buckley, C.B. 1965. *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Burnet, I. 2013. *East Indies*. Australia: Rosenberg Publishing Pty Ltd.
- Buyong Adil. 2020. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boogman, J.C. 1968. “The Netherlands in the European Scene, 1813-1913.” In *Britain and the Netherlands in Europe and Asia*, edited by Bromley, J. S. & Kossmann, 138-159. E.H. London: Palgrave Macmillan.
- Coolhaas, W. PH. 1960. *A Critical Survey of Studies on Dutch Colonial History*. ‘s-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Cowan, C. D. 1950. “Early Penang & the Rise of Singapore 1805-1832,” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 23, no. 2: 2–210.
- David Onnekink, D., Rommelse, G. 2019. *The Dutch in the Early Modern World, A History of a Global Power*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Elout, C.T. 1865. *Bijdragen tot de geschiedenis der onderhandelingen met Engeland, betreffende de overzeesche bezittingen, 1820-1824*. The Hague: M. Nijhoff.
- Falck, A. R., Hora Siccama, O. W. 1878. *Ambts-brieven van A. R. Falck 1802-1842*. The Hague: Van Stockum.
- Foreign 1840 Dept. Secret. 1840. Correspondence Regarding Dutch Aggression in The Eastern Archipelago, 16 March, ANM 2014/0010565, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Heidhues, M. F. S. 1991. “Company Island: A Note on the History of Belitung,” *Indonesia*. no. 51: 1-20.
- Hooker, V. M. 1991. *Tuhfat Al-Nafis, Sejarah Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Keay, J. 2010. *The Honourable Company, A history of the English East India Company*. United Kingdom: HarperCollins.
- Kemp, P. H. V. D. 1898. "De Singapoorsche Papieroorlog," *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van Nederlandsche-Indië* 49, no. 3/4: 389–547.
- Kemp, P. H. V. D. 1898. "Sumatra's Westkust naar aanleiding van het Londensch Tractaat van 13 Augustus 1814," *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië* 49, no. 2: 205-306.
- Kemp, P. H. V. D. 1899. "Raffles' Bezetting Van De Lampongs In 1818," *Bijdragen tot de Taal, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië* 50, no. 1: 1-58.
- Kemp, P. H. V. D. 1900. "De Commissiën van Den Schout-Bij-Nacht C. J. Wolterbeek Naar Malakka En Riouw in Juli-December 1818 En Februari-April 1820," *Bijdragen tot de Taal, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië* 51, no. 1: 1-101.
- Kemp, P. H. V. D. 1904. "De Geschiedenis van het Londensch Tractaat van 17 Maart 1824," *Bijdragen tot de taal-, land- en volkenkunde van Nederlandsch-Indië* 56, no. 1: 1-240.
- Klaveren, J.J.V. 1953. *The Dutch Colonial System in the East Indies*. The Hague: M. Nijhoff.
- Locher-Scholten, E. 1994. "Dutch Expansion in the Indonesian Archipelago around 1900 and the Imperialism Debate," *Journal of Southeast Asian Studies* 25, no. 1: 91-111.
- Loh Wei Leng. 2009. "Penang's Trade and Shipping in the Imperial Age." In *Penang and Its Region the Story of an Asian Entrepôt*, edited by Yeoh Seng Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution & Neil Khor, 83-102. Singapore: NUS Press.
- Mardiana Nordin. 2018. "Kerajaan Johor-Riau: Kemaharajaan Melayu Serumpun, 1528-1824." Dlm. *Sumbu Dunia Melayu Hubungan Keserumpunan Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Arba'iyah Mohd Noor, 45-66. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marks, H. J. 1959. *The First Contest for Singapore 1819-1824*. S. Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Maxwell, W. G. & Gibson, W. S. 1924. *Treaties and engagements affecting the Malay States and Borneo*. London: Jas Truscott & Son.
- Meinsma, J.J. 1873. *Geschiedenis van de Nederlandsche Oost-Indische bezittingen*. 's Hage: Joh. Ijkema.
- Mills, L. A., et al. 1960. "British Malaya 1824-67," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 33, no. 3: 1–424.
- Nordin Hussin. 2011. *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Penders, C. L. M. 1962. *The Expansion of Dutch Control on The Central west and East Coasts of Sumatra: 1816-1873. Master Thesis*. The Australian National University, Australia.
- Philips, C. H. 1940. "The Secret Committee of the East India Company, 1784-1858," *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 10, no. 3: 699-716.
- Renier, G.J. 1930. *Great Britain and the Establishment of the Kingdom of the Netherlands, 1813-1815: A Study in British Foreign Policy*. Leiden: Martinus Nijhoff.
- Reisman, W. M. 1989. "Reflections on State Responsibility for Violations of Explicit Protectorate, Mandate, and Trusteeship Obligations," *Michigan Journal of International Law* 10, no. 1: 231-240.
- Robson, W. H. 1931. "New Light on Lord Castlereagh's Diplomacy," *The Journal of Modern History* 3, no. 2: 198–218.
- Rotterdamsche Courant*. 1819. Bataviasche Berigten. 7 October.

- Singapore Chronicle and Commercial Register*. 1827. Johore. The Carimons. The Dutch. 8 November.
- Sutherland, H. 2021. *Seaways and Gatekeepers: Trade and State in the Eastern Archipelagos of Southeast Asia, c.1600 – c.1906*. Singapore: NUS Press.
- Spruit, R. 1995. *The Land of the Sultans, An Illustrated History of Malaysia*. Amsterdam: The Pepin Press BV.
- SP 10/196. 1824. Perjanjian Inggeris dan Belanda 1824, ANM 2006/0025840, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tay, J. S. 1960. "The Attempts of Raffles to Establish a British Base in South-East Asia, 1818–1819," *Journal of Southeast Asian History* 1, no. 2: 30 - 46.
- Trocki, C.A. 2007. *Prince of Pirates the Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*. Singapore: NUS Press.
- Vos, R. 1993. *Gentle Janus, Merchant Prince: The VOC and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800*. Leiden: KITLV.
- Vlekke, B. H.M. 1945. *The Story of the Dutch Indies*. Cambridge: Harvard University Press.
- Waal, E.D. 1860. *Nederlandseh-Indië in de Staten-Generaal sedert de Grondwet van 1814*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Winstedt, R.O. 1932. "The Bendaharas and Temenggongs," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 10, no. 1: 55-65.
- Wright, H. R. C. 1950. "The Anglo-Dutch Dispute in the East, 1814-1824," *The Economic History Review* 3, no. 2: 229-239.
- 2.10.01 Inventaris van het archief van het Ministerie van Koloniën, 1814-1849. 1819. 3072 Rapport van de resident te Palembang over de toestand aldaar, in het bijzonder betreffende de moeilijkheden ontstaan door de gedragingen van Th.J. Raffles; met bijlagen, Nationaal Archief, The Hague.
- 2.10.01. Inventaris van het archief van het Ministerie van Koloniën, 1814-1849. 1858. Aantekeningen uit de Portfeuille met stukken over onderhandelingen met Engeland van 1816 tot 1824, 18 Oktober. Nationaal Archief, The Hague.

## Lampiran 1

### THE TREATY OF 17 MARCH 1824 AND THE RELATED NOTES

TREATY BETWEEN HIS BRITANNICK MAJESTY AND THE KING OF THE NETHERLANDS, RESPECTING TERRITORY AND COMMERCE IN THE EAST INDIES, SIGNED AT LONDON, MARCH 17th, 1824.

#### ARTICLE I.

The High Contracting Parties engage to admit the Subjects of each other to trade with Their respective Possessions in the Eastern Archipelago, and on the Continent of India, and in Ceylon, upon the footing of the most favoured Nation: Their respective Subjects conforming themselves to the local Regulations of each Settlement.

#### ARTICLE II.

The Subjects and Vessels of one Nation shall not pay, upon importation or exportation, at the

Ports of the other in the Eastern Seas, any duty at a rate beyond the double of that at which the Subjects and Vessels of the Nation to which the Port belongs, are charged. The Duties paid on exports or imports at a British Port, on the Continent of India, or in Ceylon, on Dutch bottoms, shall be arranged so as, in no case, to be charged at more than double the amount of the duties paid by British Subjects, and on British bottoms. In regard to any article upon which no duty is imposed, when imported or exported by the Subjects, or on the Vessels, of the Nation to which the Port belongs, the duty charged upon the Subjects or Vessels of the other, shall, in no case, exceed six per cent.

### **ARTICLE III.**

The High Contracting Parties engage, that no Treaty hereafter made by Either, with any Native Power in the Eastern Seas, shall contain any Article tending, either expressly, or by the imposition of unequal duties, to exclude the Trade of the other Party from the Ports of such Native Power: and that if, in any Treaty now existing on either Part, any Article to that effect has been admitted, such Article shall be abrogated upon the conclusion of the present Treaty.

It is understood that, before the conclusion of the present Treaty, communication has been made by each of the Contracting Parties to the other, of all Treaties or Engagements subsisting between Each of Them, respectively, and any Native Power in the Eastern Seas; and that the like communication shall be made of all such Treaties concluded by Them, respectively, hereafter.

### **ARTICLE IV.**

Their Britannick and Netherland Majesties engage to give strict Orders, as well as to Their Civil and Military Authorities, as to Their Ships of War, to respect the freedom of Trade, established by Articles I. II. and III.; and, in no case, to impede a free communication of the Natives in the Eastern Archipelago, with the Ports of the Two Governments, respectively, or of the Subjects of the Two Governments with the Ports belonging to Native Powers.

### **ARTICLE V.**

Their Britannick and Netherland Majesties, in like manner, engage to concur effectually in repressing Piracy in those Seas: They will not grant either asylum or protection to Vessels engaged in Piracy, and They will, in no case, permit the Ships or merchandize captured by such Vessels, to be introduced, deposited, or sold, in any of their Possessions.

### **ARTICLE VI.**

It is agreed that Orders shall be given by the Two Governments to Their Officers and Agents in the East, not to form any new Settlement on any of the Islands in the Eastern Seas, without previous Authority from their respective Governments in Europe.

**ARTICLE VII.**

The Molucca Islands, and especially Amboyna, Banda, Ternate, and their immediate Dependencies, are excepted from the operation of the I. II. III. and IV. Articles, until the Netherland Government shall think fit to abandon the monopoly of Spices; but if the said Government shall, at any time previous to such abandonment of the monopoly, allow the Subjects of any Power, other than a Native Asiatic Power, to carry on any Commercial Intercourse with the said Islands, the Subjects of His Britannick Majesty shall be admitted to such Intercourse, upon a footing precisely similar.

**ARTICLE VIII.**

His Netherland Majesty cedes to His Britannick Majesty all His Establishments on the Continent of India; and renounces all privileges and exemptions enjoyed or claimed in virtue of those Establishments.

**ARTICLE IX.**

The Factory of Fort Marlborough, and all the English Possessions on the Island of Sumatra, are hereby ceded to His Netherland Majesty: and His Britannick Majesty further engages that no British Settlement shall be formed on that Island, nor any Treaty concluded by British Authority, with any Native Prince, Chief, or State therein.

**ARTICLE X.**

The Town and Fort of Malacca, and its Dependencies, are hereby ceded to His Britannick Majesty; and His Netherland Majesty engages, for Himself and His Subjects, never to form any Establishment on any part of the Peninsula of Malacca, or to conclude any Treaty with any Native Prince, Chief, or State therein.

**ARTICLE XI.**

His Britannick Majesty withdraws the objections which have been made to the occupation of the Island of Billiton and its Dependencies, by the Agents of the Netherland Government.

**ARTICLE XII.**

His Netherland Majesty withdraws the objections which have been made to the occupation of the Island of Singapore, by the Subjects of His Britannick Majesty. His Britannick Majesty, however, engages that no British Establishment shall be made on the Carimon Isles, or on the Islands of Battam, Bintang, Lingen, or on any of the other Islands South of the Straits of Singapore, nor any Treaty concluded by British Authority with the Chiefs of those Islands.

**ARTICLE XIII.**

All the Colonies, Possessions, and Establishments which are ceded by the preceding Articles, shall be delivered up to the Officers of the respective Sovereigns on the 1st of March, 1825. The

Fortifications shall remain in the state in which they shall be at the period of the notification of this Treaty in India; but no claim shall be made, on either side, for ordnance, or stores of any description, either left or removed by the ceding Power, nor any arrears of revenue, or any charge of administration whatever.

#### **ARTICLE XIV.**

All the Inhabitants of the Territories hereby ceded, shall enjoy, for a period of Six Years from the date of the Ratification of the present Treaty, the liberty of disposing, as they please, of their property, and of transporting themselves, without let or hindrance, to any Country to which they may wish to remove.

#### **ARTICLE XV.**

The High Contracting Parties agree that none of the Territories or Establishments mentioned in Articles VIII. IX. X. XI. and XII. shall be, at any time, transferred to any other Power. In case of any of the said Possessions being abandoned by one of the present Contracting Parties, the right of occupation thereof shall immediately pass to the other.

#### **ARTICLE XVI.**

It is agreed that all accounts and reclamations, arising out of the restoration of Java, and other Possessions, to the Officers of His Netherland Majesty in the East Indies, - as well those which were the subject of a Convention made at Java on the 24th of June, 1817, between the Commissioners of the Two Nations, as all others, shall be finally and completely closed and satisfied, on the payment of the sum of one hundred thousand pounds, sterling money, to be made in London on the part of the Netherlands, before the expiration of the Year 1825.

#### **ARTICLE XVII.**

The present Treaty shall be ratified, and the Ratifications exchanged at London, within Three Months from the date hereof, or sooner if possible.

In witness whereof, the respective Plenipotentiaries have signed the same, and affixed thereunto the Seals of their Arms.

Done at London, the seventeenth day of March, in the Year of Our Lord one thousand eight hundred and twenty-four.

(L.S.) George Canning.

(L.S.) Charles Watkin Williams Wynn.